

14 AUG 2000

Abdullah-Melayu

HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU PERLU TERUS DIPERTAHANKAN, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hak keistimewaan orang Melayu seperti yang dipersetujui oleh kerajaan yang diwakili semua kaum di negara ini, patut dipertahankan dan tidak perlu dipertikaikan.

Timbalan Perdana Menteri berkata hak keistimewaan orang Melayu akan sentiasa dipertahankan oleh orang Melayu dan sepatutnya pihak-pihak tertentu tidak membuat sebarang kenyataan yang menyentuh isu berkenaan.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan timbalan pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) Datuk David Chua bahawa hak keistimewaan orang Melayu perlu dihapuskan secara beransur mengikut bidang tertentu sekiranya kerajaan mahu melihat mereka maju dan mampu bersaing dengan kaum lain.

Chua yang juga timbalan setiausaha agung Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) berkata bagi memastikan orang Melayu berjaya dalam bidang yang diceburi, kerajaan tidak perlu meneruskan dasar perlindungan yang diamalkan sekarang.

"Sepatutnya beliau tidak membuat kenyataan begitu kerana ia menimbulkan reaksi tidak baik di kalangan orang ramai," kata Abdullah kepada pemberita selepas merasmikan kemudahan baru Motorola Technoplex di sini hari ini.

Pendapat Chua itu disiarkan Utusan Malaysia hari ini dan majalah Far Eastern Economic Review (FEER) dalam keluaran 10 Ogos turut memetik Chua sebagai berkata Mapen II akan menimbangankan dasar penyusunan semula masyarakat yang memberi keistimewaan kepada orang Melayu untuk rancangan jangka panjang 10 tahun negara.

Mapen II adalah badan yang ditubuhkan kerajaan bagi merumuskan formula rancangan jangka panjang 10 tahun pertumbuhan negara selepas Dasar Pembangunan Nasional (DPN) tamat tempoh tahun ini.

Abdullah berkata kenyataan yang menyentuh perkara penting seperti itu tidak boleh dikeluarkan dengan cara sedemikian.

"Perkara berkaitan hak keistimewaan orang Melayu adalah satu perkara yang amat penting dan Chua tidak boleh membuat kenyataan dengan cara yang begitu kerana ia perlu dibincang dengan secara mendalam.

"Kita menyedari betapa pentingnya orang Melayu membuat segala persediaan dan membina kemampuan mereka untuk bersaing," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Majlis Profesional Melayu (MPM) membidas kenyataan Chua itu yang mendedahkan kepada media kandungan serta perbincangan MAPEN II sebelum ia dikemukakan kepada kerajaan.

Setiausaha MPM Wan Aminuddin Wan Daud berkata kenyataan Chua itu tidak langsung mengambilkira kepentingan dan pandangan kaum Melayu dan Bumiputera.

"Chua tidak sepatutnya mendedahkan dan membincangkan isu-isu sensitif tersebut tambahan pula ia melibatkan hak-hak dan keistimewaan orang Melayu dan kaum Bumiputera lain yang telah dijamin oleh Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

MPM berpendapat isu hak dan keistimewaan orang Melayu dan kaum Bumiputera tidak perlu dipertikaikan kerana ia sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Aminuddin berkata MPM turut beranggapan bahawa rencana Dalam FEER itu, yang mengemukakan fakta-fakta tidak tepat, mempunyai tujuan menghasut dan boleh menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

MPM, yang ditubuhkan hasil Kongres Profesional Muda Melayu 2000 pada Februari lepas, akan mengemukakan memorandum bantahan mengenai perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis.

DI ALOR SETAR, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain

berkata hak istimewa orang Melayu di bawah dasar penyusunan semula masyarakat, wajar dikekalkan kerana ia membawa persefahaman antara kaum di negara ini.

Katanya hak itu turut dikongsi bersama oleh kaum lain dengan masing-masing berganding bahu menjayakan sesuatu perniagaan atau dalam bidang kerjasama lain.

"Hak berkenaan belum sampai masa hendak dihapuskan walaupun orang Melayu telah menunjukkan peningkatan dalam beberapa bidang. Ini juga bukan bermaksud orang Melayu mahu kemudahan yang lebih.

"Kita perlu ada tongkat walaupun tidak semestinya menggunakan tongkat itu," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di Alor Setar untuk melancarkan buku 'Che Det dan Pekan Rabu' di perkarangan Pekan Rabu sebelum itu.

Sementara itu Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata beliau khawatir orang Melayu akan mundur jika hak keistimewaan mereka dihapuskan.

"Hak istimewa Melayu adalah sesuatu yang telah dipersetujui sewaktu negara mencapai kemerdekaan, orang Melayu bersetuju memberikan (kerakyatan) kepada bukan Melayu dan bukan Malayu bersetuju memberi (hak istimewa) kepada Melayu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan pelajar baru Ireland 2000 di KUALA LUMPUR hari ini.

"Apa yang penting sekarang ialah bagaimana orang Melayu menggunakan hak istimewa ini untuk meningkatkan diri sebagai bangsa yang progresif, setanding dengan bangsa maju lain di dunia," katanya.

Ketika berucap merasmikan majlis itu, Muhammad berkata Umno mahu Melayu menjadi bangsa yang progresif yang berupaya menguruskan segala kemudahan bertaraf dunia yang telah dibina oleh kerajaan.

Malaysia menghantar pelajar Melayu ke luar negara untuk melahirkan lebih ramai golongan profesional yang berkeupayaan mengurus segala kemudahan itu dan mereka harus menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Orang Melayu juga harus menjadi orang Islam yang progresif, maju dan berkemampuan, selaras dengan tuntutan agama dan bukannya bersifat ganas sebagaimana yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berfikiran sempit, katanya.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata Pergerakan Pemuda tidak setuju dengan pendapat bahawa penghapusan hak keistimewaan boleh membawa orang Melayu lebih maju dan mampu bersaing dengan kaum lain.

"Kenyataan seumpama itu mesti bersandarkan fakta-fakta dan buktikan jurang perbezaan antara Melayu dengan kaum lain tiada lagi," katanya selepas melancarkan majlis "Ring Ring Card" sempena Sukan Olimpik 2000 di KUALA LUMPUR.

Hishammuddin berkata jurang perbezaan antara Melayu dan kaum lain masih wujud dan perkara itu tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

-- BERNAMA  
DC AHH RON